



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education  
Normal (Technical) Level**

**BASIC MALAY  
BAHASA MELAYU ASAS  
(SYLLABUS 1203)**

**BLANK PAGE**

## Kandungan

---

	<i>Halaman</i>
Hasil Pembelajaran	4
Objektif Penilaian	5
Format Peperiksaan	6
Jadual Pengkhususan	8
Lampiran A: Rubrik Pemarkahan Kertas 1	
Lampiran B: Rubrik Pemarkahan Kertas 2	

---

## Hasil Pembelajaran

---

Berdasarkan Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah) 2021 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu Asas Peringkat Normal (Teknikal), pelajar berupaya untuk:

- (a) mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak;
- (b) bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (d) membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (e) menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul); dan
- (f) berinteraksi melalui penulisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) dengan jelas dan berkesan untuk memberikan respons yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak.

## Objektif Penilaian

---

Peperiksaan Bahasa Melayu Asas GCE Peringkat Normal (Teknikal) bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah) 2021, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu Asas bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar pelbagai teks untuk memahami, menghayati dan menilai isi agar dapat memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak;
- (b) berinteraksi secara lisan dengan yakin, berkesan dan jelas untuk menyampaikan sesuatu perkara dan menerangkan idea/pendapat/pandangan dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (c) membaca lantang teks dengan kelancaran, intonasi dan gaya yang sesuai mengikut konteks dengan menggunakan sebutan baku;
- (d) membaca pelbagai teks untuk memahami, menghayati dan menilai isi agar dapat memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (e) menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan, mengembangkan idea yang dijana serta menyemak dan menyunting teks sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (f) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk bertukar-tukar fakta/maklumat/idea/pendapat/pandangan yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak; dan
- (g) menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul mengikut konteks, tujuan dan khalayak.

## Format Peperiksaan

---

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu Asas Peringkat Normal (Teknikal) terbahagi kepada:

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas 2: Lisan

Kertas 3: Kefahaman Mendengar

### **Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penggunaan Bahasa dan Kefahaman (35 markah)**

Kertas 1 terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 10 minit.

#### **Bahagian 1: Penulisan Fungsional (10 markah)**

Calon dikehendaki menulis respons peribadi berupa hantaran secara dalam talian berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk blog, forum dan lain-lain lagi. Calon dikehendaki menulis respons dengan menggunakan sekurang-kurangnya 60 patah perkataan. Masa yang diperuntukkan untuk bahagian ini ialah 30 minit. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

#### **Bahagian 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman (25 markah)**

Bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

##### **Bahagian A: Melengkapkan Teks (5 markah)**

###### **Soalan A1 (2 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki memilih perkataan yang tepat daripada golongan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif atau Kata Tugas untuk melengkapkan teks autentik yang diberikan seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.

###### **Soalan A2 (3 markah)**

Bahagian ini mengandungi tiga soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki memilih perkataan yang tepat daripada golongan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif atau Kata Tugas untuk melengkapkan teks autentik yang diberikan seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.

##### **Bahagian B: Kefahaman 1 (10 markah)**

Bahagian ini mengandungi lima soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan rangsangan grafik yang diberikan seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.

## Format Peperiksaan

---

### **Bahagian C: Kefahaman 2 (10 markah)**

#### **Soalan C1 (4 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan teks autentik seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.

#### **Soalan C2 (6 markah)**

Bahagian ini mengandungi tiga soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan teks autentik seperti cerpen, iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.

### **Kertas 2: Lisan (45 markah)**

Kertas ini terdiri daripada dua bahagian, Bahagian A: Bacaan Lantang dan Bahagian B: Perbualan. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit. Calon diberi 10 minit untuk membuat persiapan.

#### **Bahagian A: Bacaan Lantang (15 markah)**

Calon dikehendaki membaca dengan lantang teks yang dipaparkan pada skrin komputer.

#### **Bahagian B: Perbualan (30 markah)**

Calon dikehendaki menonton klip video (55-60 saat) dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan tema klip video yang telah ditonton.

### **Kertas 3: Kefahaman Mendengar (20 markah)**

Kertas ini mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan tujuh teks autentik pelbagai genre seperti iklan, dialog, laporan berita, cerpen dan lain-lain lagi. Empat daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

## Jadual Pengkhususan

### Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penggunaan Bahasa (Bahagian 1)

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 Bahagian 1 (30 minit)	<u>Bahagian 1</u> Penulisan Fungsional	Respons Bebas	1 (1)	10 (10%)	Calon dikehendaki menulis respons peribadi berupa hantaran secara dalam talian berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk blog, forum dan lain-lain lagi.  Panjangnya respons haruslah sekurang-kurangnya 60 patah perkataan.
<b>Jumlah</b>			<b>1 (1)</b>	<b>10 (10%)</b>	-



## Jadual Pengkhususan

### Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penggunaan Bahasa (Bahagian 2)

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 Bahagian 2 (40 minit)	<u>Bahagian 2</u> Penggunaan Bahasa dan Kefahaman				
	<u>Bahagian A</u> Melengkapkan Teks				
	Soalan A1	MCQ	2 (2)	2 (2%)	Calon dikehendaki menjawab lima soalan aneka pilihan (MCQ) dengan memilih perkataan daripada golongan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif atau Kata Tugas berdasarkan dua teks autentik seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.  Panjangnya kedua-dua teks lebih kurang 150 patah perkataan.
Soalan A2	MCQ	3 (3)	3 (3%)		
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1	MCQ	5 (5)	10 (10%)	Calon dikehendaki menjawab lima soalan aneka pilihan (MCQ) berdasarkan satu teks autentik seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.  Panjangnya teks lebih kurang 300 patah perkataan.

## Jadual Pengkhususan

### Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penggunaan Bahasa (Bahagian 2)

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
	<u>Bahagian C</u> Kefahaman 2				
	Soalan C1	MCQ	2 (2)	4 (4%)	Calon dikehendaki menjawab lima soalan aneka pilihan (MCQ) berdasarkan dua teks autentik seperti iklan, rencana, risalah dan lain-lain lagi.  Panjangnya kedua-dua teks lebih kurang 300 patah perkataan.
	Soalan C2	MCQ	3 (3)	6 (6%)	
<b>Jumlah</b>			<b>15 (15)</b>	<b>25 (25%)</b>	-

## Jadual Pengkhususan

### Kertas 2: Lisan dan Kertas 3 Kefahaman Mendengar

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
2 (15 minit)	Lisan <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang	Respons Bebas	1 (1)	15 (15%)	Calon dikehendaki membaca dengan lantang teks yang dipaparkan pada skrin komputer. Panjangnya teks lebih kurang 140 patah perkataan.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan	Respons Bebas	1 (1)	30 (30%)	Calon dikehendaki menonton klip video (55-60 saat) dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan tema klip video yang telah ditonton.
<b>Jumlah</b>			<b>2 (2)</b>	<b>45 (45%)</b>	-
3 (Lebih kurang 30 minit)	Kefahaman Mendengar	MCQ	10 (10)	20 (20%)	Calon dikehendaki menjawab soalan aneka pilihan (MCQ) berdasarkan tujuh teks autentik seperti iklan, dialog, laporan berita, cerpen dan lain-lain lagi termasuk empat teks pendek; satu soalan bagi setiap teks pendek.
<b>Jumlah</b>			<b>10 (10)</b>	<b>20 (20%)</b>	-

# **Rubrik Pemarkahan Kertas 1**

**Penulisan Fungsional (10 markah)**

<b>Jalur</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>
<b>Julat Markah</b>	<b>5</b>	<b>3-4</b>	<b>1-2</b>
<b>Isi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesemua idea relevan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea relevan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea kurang relevan.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea dikembangkan dengan jelas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea dikembangkan dengan secukupnya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea kabur / bercebis-cebis / berulang.</li> </ul>
<b>Julat Markah</b>	<b>5</b>	<b>3-4</b>	<b>1-2</b>
<b>Bahasa dan Organisasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahasa yang digunakan tepat; terdapat sedikit kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahasa yang digunakan agak tepat; terdapat beberapa kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea jelas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea agak jelas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tidak dapat melahirkan idea dengan jelas.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea berkait rapat dengan baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea berkait rapat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea kurang berkait rapat.</li> </ul>

# **Rubrik Pemarkahan Kertas 2**

**Bacaan Lantang (15 markah)**

<b>Jalur</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>
<b>Julat Markah</b>	<b>7-8</b>	<b>5-6</b>	<b>3-4</b>	<b>1-2</b>
<b>Sebutan dan Pengucapan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sebutan hampir sempurna</li> <li>▪ pengucapan sangat jelas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sekali-sekala terdapat kesilapan dalam sebutan</li> <li>▪ pengucapan jelas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sering kali terdapat kesilapan dalam sebutan</li> <li>▪ pada keseluruhannya, pengucapan jelas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ terdapat banyak kesilapan yang ketara dalam sebutan</li> <li>▪ pengucapan jarang sekali jelas</li> </ul>
<b>Julat Markah</b>	<b>6-7</b>	<b>4-5</b>	<b>2-3</b>	<b>1</b>
<b>Kelancaran dan Kelajuan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ bacaan lancar, kelajuan bacaan baik</li> <li>▪ rentak dan tekanan sesuai</li> <li>▪ intonasi bervariasi dan sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ bacaan lancar</li> <li>▪ sekali-sekala terdapat kesilapan dalam rentak dan tekanan</li> <li>▪ pada umumnya, intonasi bervariasi dan sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ bacaan boleh dikatakan teragak-agak</li> <li>▪ beberapa kesilapan dalam rentak dan tekanan</li> <li>▪ sekali-sekala intonasi bervariasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ bacaan teragak-agak</li> <li>▪ sering kali terdapat kesilapan dalam rentak dan tekanan</li> <li>▪ intonasi jarang sekali bervariasi</li> </ul>

**Perbualan (30 markah)**

<b>Jalur</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>
<b>Julat Markah</b>	<b>13-15</b>	<b>9-12</b>	<b>5-8</b>	<b>1-4</b>
<b>Respons Peribadi dan Pengembangan Idea</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan respons peribadi yang cukup tentang topik</li> <li>▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan jelas dan koheren</li> <li>▪ memerlukan rangsangan yang amat sedikit</li> <li>▪ melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea secara konsisten</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan beberapa respons peribadi tentang topik</li> <li>▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan agak jelas dan koheren</li> <li>▪ sekali-sekala, memerlukan rangsangan</li> <li>▪ kebanyakan masa, melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan respons peribadi yang mudah-mudah tentang topik</li> <li>▪ mengembangkan beberapa idea dengan agak jelas dan koheren</li> <li>▪ sering kali memerlukan rangsangan</li> <li>▪ sekali-sekala, melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ hampir tidak dapat memberikan respons peribadi tentang topik</li> <li>▪ hampir tidak mampu mengembangkan idea</li> <li>▪ sentiasa memerlukan rangsangan</li> <li>▪ hampir tidak mampu melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>
<b>Julat Markah</b>	<b>13-15</b>	<b>9-12</b>	<b>5-8</b>	<b>1-4</b>
<b>Penggunaan Bahasa dan Kelancaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan pelbagai kosa kata yang sesuai dan pola ayat yang lazim digunakan</li> <li>▪ bertutur dengan menggunakan sebutan yang baik dan intonasi ayat yang natural</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kebanyakan masa, menggunakan pelbagai kosa kata yang sesuai dan pola ayat yang lazim digunakan</li> <li>▪ kebanyakan masa, bertutur dengan menggunakan sebutan yang baik dan intonasi ayat yang natural</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata asas yang kadangkala tidak sesuai dan pola ayat yang mudah-mudah</li> <li>▪ dapat bertutur tetapi menghadapi sedikit kesukaran dalam sebutan dan/atau intonasi ayat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan pola ayat yang terbatas, atau tidak sesuai</li> <li>▪ pertuturan dipenuhi dengan kesilapan besar dalam sebutan dan intonasi ayat yang canggung</li> </ul>



---

*Copyright Acknowledgements:*

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.